

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
No. 20, MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR  
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web: <http://www.lpp.gov.my>  
E-mail: [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)  
E-mail Bahagian: [lpqhq\\_penyeliaan@lpp.gov.my](mailto:lpqhq_penyeliaan@lpp.gov.my)

TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan  
Ruj. Kami  
Tarikh

LPP(B) 5/6 Jld 7 ( 7 )  
29 Januari 2015

Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang  
Negeri .....

Setiausaha Tetap,  
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,  
Merangkap Wakil Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak

Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Pengurus Besar  
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

## ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 2 TAHUN 2015 KAEDAH PENUBUHAN, PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KUMPULAN PELADANG MUDA/ KOR TANI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 2 Tahun 2015 – Kaedah Penubuhan, Pentadbiran dan Pengurusan Kumpulan Peladang Muda/ Kor Tani untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

3. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan mencetak secukupnya untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan.

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Cawangan Penyeliaan Pendaftaran dan Rekod, Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

2/...


Sekian, terima kasih.

Tema MAHA International dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2014

**“AGROTEKNOLOGI PEMANGKIN TRANSFORMASI”**

**“JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHAMMAD NAZZERI BIN RAMLI)**

Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan  
b.p Pendaftar  
Pertubuhan Peladang

s.k : Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Pejabat Wakil Pendaftar  
Pertubuhan Peladang Sarawak  
d/a Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak  
Tingkat 13, Menara Pelita  
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub  
93050 Petra Jaya  
Kuching Sarawak

Pengarah Bahagian .....

Urusetia Ketua Pengarah .....

Pegawai Peladang Daerah.....

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

E-mail : [info@lpp.gov.my](mailto:info@lpp.gov.my)

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Email Bahagian : [lpphq\\_penyelidikan@lpp.gov.my](mailto:lpphq_penyelidikan@lpp.gov.my)

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan : LPP(B) 5/6 Jld. 7 (6)  
Ruj. Kami : 29 Januari 2015  
Tarikh :

## ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 2 TAHUN 2015

### KAEDAH PENUBUHAN, PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI

#### 1. TUJUAN

Tujuan arahan ini dikeluarkan adalah untuk mewujudkan kaedah yang seragam untuk diguna pakai oleh Pertubuhan Peladang dalam melaksanakan Penubuhan, Pentadbiran dan Pengurusan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.

#### 2. PUNCA KUASA

2.1 Punca kuasa bagi arahan ini dibuat di bawah Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut:

*"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini."*

## 2.2 Peraturan 54(7) Peraturan--Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 :-

*"Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya."*

### 3. LATAR BELAKANG

3.1 Pada masa ini, pelaksanaan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani adalah berpandukan kepada Kaedah Penubuhan, Pentadbiran dan Pengurusan Kumpulan Peladang Muda yang diluluskan oleh Pendaftar pada tahun 1991.

### 4. PELAKSANAAN

4.1 Pertubuhan Peladang di semua peringkat perlu mengguna pakai Kaedah Penubuhan, Pentadbiran dan Pengurusan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang terkini.


4.2 Kaedah Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani ini hendaklah dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa dan seterusnya dikemukakan kepada Pendaftar untuk didaftarkan.

4.3 Kaedah ini hanya boleh diguna pakai oleh Pertubuhan Peladang setelah ia didaftarkan oleh Pendaftar.

5. **KUATKUASA**

5.1 Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, maka Kaedah Penubuhan, Pentadbiran dan Pengurusan Kumpulan Peladang Muda yang diluluskan oleh Pendaftar pada tahun 1991 adalah dibatalkan.

5.2 Arahan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada .....30..... haribulan **Januari** tahun **Dua Ribu Lima Belas**.



(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)  
Pendaftar  
Pertubuhan Peladang

**Kaedah Penubuhan, Pentadbiran dan  
Pengurusan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani**

## **KAEDAH PENUBUHAN, PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

### **1. NAMA DAN MULA BERKUATKUASA**

Kaedah ini dikenali dengan nama Kaedah Penubuhan, Pentadbiran dan Pengurusan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani Pertubuhan Peladang (PP) dan ditubuhkan oleh Pertubuhan Peladang (PP) di bawah punca kuasa perkara 51 (xv) Perlembagaan PPK/Perkara 49 (xv) Perlembagaan PPN/NAFAS hendaklah mulai berkuatkuasa pada tarikh arahan ini dikeluarkan.

### **2. TUJUAN**

Kaedah ini bertujuan untuk dijadikan sebagai peraturan bagi menubuh, mentadbir dan mengurus Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di PP.

### **3. TAFSIRAN**

Di dalam kaedah ini, melainkan kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain:

- (a) "Akta" ertinya Akta Pertubuhan Peladang 1973.
- (b) "Peraturan-Peraturan" ertinya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983.
- (c) "Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Pertubuhan Peladang (PPK, PPN dan NAFAS).

- (d) "Kaedah Unit Anggota" ertinya Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Anggota.
- (e) "AJP" ertinya Anggota Jemaah Pengarah.
- (f) "Pertubuhan" ertinya Pertubuhan Peladang yang dibentuk di bawah Seksyen 3 Akta Pertubuhan Peladang 1973.
- (g) "Pendaftar" ertinya Pendaftar Pertubuhan Peladang.
- (h) "Unit Anggota" ertinya seperti di dalam Peraturan 2(a) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983.
- (i) "PPK" ertinya Pertubuhan Peladang Kawasan.  
"PPN" ertinya Pertubuhan Peladang Negeri.  
"NAFAS" ertinya Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

#### **4. PEMAKAIAN**

Kaedah ini hendaklah diguna pakai oleh Unit Anggota dan PP di semua peringkat.

#### **5. PUNCA KUASA**

Pertubuhan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 35(2)(g) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109), Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan Perkara 39, 40 dan 43 Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Anggota.



## 6. TAKRIF KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI

- (a) "Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani" ertinya sesuatu kumpulan kegiatan anggota muda berumur di bawah 40 tahun yang menjadi ahli PP yang dibentuk mengikut Peruntukan 39 Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Anggota, PP yang mempunyai tujuan dan menjalankan kegiatan seperti yang dinyatakan dalam kaedah ini.
- (b) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK adalah gabungan semua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota.
- (c) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN adalah gabungan semua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK.
- (d) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS adalah gabungan semua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN.

## 7. ASAS KUMPULAN

- (a) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani peringkat Unit Anggota boleh ditubuhkan oleh Jawatankuasa Unit Anggota jika ada/penyertaan tidak kurang daripada lima (5) orang anggota Peladang Muda/Kor Tani.
- (b) Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota dipilih melalui Mesyuarat Agung Unit Anggota. Seorang Pengerusi akan dilantik dari kalangan ketua-ketua ini dan akan mewakili kumpulan ini sebagai *ex-officio* ke Mesyuarat AJP PPK.

- (c) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK adalah gabungan ketua-ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota. Seorang Pengerusi akan dilantik dari kalangan ketua-ketua ini oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah PPK dan akan mewakili kumpulan ini sebagai *ex-officio* ke Mesyuarat AJP PPK.
- (d) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN adalah gabungan ketua-ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK. Seorang Pengerusi akan dilantik dari kalangan ketua-ketua ini oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah PPN dan akan mewakili kumpulan ini sebagai *ex-officio* ke Mesyuarat AJP PPN.
- (e) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS adalah gabungan ketua-ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN. Seorang Pengerusi akan dilantik dari kalangan ketua-ketua ini oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah NAFAS dan akan mewakili kumpulan ini sebagai *ex-officio* ke Mesyuarat AJP NAFAS.

**8. KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI BUKAN SEBUAH PERTUBUHAN PERBADANAN**

- (a) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di bawah PP bukan sebuah Pertubuhan Perbadanan.
- (b) Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani merupakan satu kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan menggiatkan penyertaan dari kalangan anggota muda lelaki dan anggota muda wanita PPK.

- (c) Tiada sesuatu kumpulan boleh menggiatkan kumpulannya sebagai Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani, jika penubuhannya tidak diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Unit, Mesyuarat AJP PPK, PPN atau NAFAS yang mana berkenaan.

## **9. TUJUAN PENUBUHAN KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

- (a) Menggalakkan lebih ramai anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani menjadi anggota PPK dan bergiat dengan aktif dalam aktiviti dan perkhidmatan yang diberikan oleh PPK.
- (b) Meningkatkan ekonomi anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani selaras dengan Dasar Pembangunan Negara.
- (c) Memupuk, melatih dan melahirkan kepimpinan dari kalangan anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani PP.
- (d) Melatih dan menggalak anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani bergerak secara berkumpulan serta menyediakan satu cara bagi mewakili kepentingan anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dalam aktiviti pengeluaran dan perniagaantani di PP dan Unit Anggota.
- (e) Memberi peluang kepada anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani bertukar-tukar fikiran, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran untuk mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial.
- (f) Memberi peluang kepada anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani mengambil bahagian cergas dalam merancang program kemajuan masyarakat peladang di semua peringkat.

- (g) Memberi dan menerima latihan melalui program bimbingan yang disediakan oleh PP/LPP/Jabatan/Agensi Kerajaan, Swasta dan NGO kepada Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dalam aspek-aspek kepimpinan dan keusahawanan.
- (h) Menyediakan satu bentuk organisasi di PP dan Unit Anggota bagi anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dikumpulkan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan sosial, kebajikan dan sukan di samping kegiatan berasaskan pertanian.

#### **10. LARANGAN KEPADA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

- (a) Membuat kontrak bagi pihak PP.
- (b) Memula dan membela tindakan, saman dan perbicaraan di sisi undang-undang.
- (c) Memiliki harta atas nama kumpulan.
- (d) Melaksanakan sebarang kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan PP.
- (e) Membuka sebarang akaun bank. Bagaimanapun, Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani boleh membuka akaun di PP berkenaan dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Unit Anggota.

## 11. KEGIATAN-KEGIATAN KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI

Untuk mencapai tujuan-tujuannya, anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani boleh menjalankan kegiatan-kegiatan berikut:

- i) Mengadakan kegiatan sukan dan kebudayaan.
- ii) Mengadakan kegiatan sosial dan kebajikan seperti kerja amal, gotong-royong, kerja-kerja sukarela dan lain-lain.
- iii) Menjalankan projek-projek pengeluaran dan perniagaantani.
- iv) Mewujudkan atau mengumpulkan tenaga kerja sambilan untuk projek-projek PP atau anggota-anggota PP.
- v) Menyelaraskan dengan PP dalam mengadakan atau menghantar anggota-anggota menghadiri kursus-kursus dan latihan keusahawanan, pengurusan atau kemahiran tertentu.
- vi) Mengadakan kempen tambah anggota dan saham.
- vii) Mengadakan pertandingan dari kalangan anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani seperti pertandingan Peladang Jaya Muda dan sebagainya.
- viii) Lain-lain jenis kegiatan yang sesuai yang boleh membantu ke arah meningkatkan aktiviti Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.

## **12. ANGGOTA DAN KELAYAKAN**

Keanggotaan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani adalah dari kalangan anggota lelaki dan wanita PPK berumur 18 hingga 40 tahun.

## **13. CARA-CARA MENJADI ANGGOTA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

Seseorang lelaki dan wanita yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang telah diterima masuk menjadi anggota PPK mengikut perkara 12 kaedah ini adalah secara automatik menjadi anggota Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.

## **14. KAEDAH PENTADBIRAN KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT UNIT ANGGOTA**

- (a) Pentadbiran Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota hendaklah dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada tidak kurang tiga (3) orang dan tidak melebihi lima (5) orang iaitu:
- i) Ketua Peladang Muda/Kor Tani.
  - ii) Setiausaha.
  - iii) Bendahari.
  - iv) Dua (2) orang anggota jawatankuasa.
- (b) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota adalah selaras dengan tempoh jawatan AJP PPK.

**15. TUGAS-TUGAS KETUA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT UNIT ANGGOTA**

- (a) Mepengerusikan semua mesyuarat dan perjumpaan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (b) Menjadi jurucakap Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (c) Mewakili Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Unit Anggota.
- (d) Meluluskan kegunaan akaun wang kumpulan bersama-sama Setiausaha dan Bendahari Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (e) Mewakili Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani Unit Anggota berkenaan di dalam mesyuarat di peringkat PPK.

**16. TUGAS-TUGAS SETIAUSAHA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT UNIT ANGGOTA**

- (a) Mengendalikan segala urusan kumpulan khususnya berkenaan surat-menyurat dan menyimpan semua rekod, buku risalah, kertas kumpulan dan minit mesyuarat.
- (b) Menyimpan buku daftar anggota.
- (c) Mengeluarkan notis memanggil mesyuarat dan mencatat minit mesyuarat.
- (d) Menyediakan laporan kegiatan kumpulan.

- (e) Sebagai wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa Unit Anggota apabila ketiadaan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.

**17. TUGAS-TUGAS BENDAHARI KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT UNIT ANGGOTA**

- (a) Menulis semua transaksi akaun dan menyimpan rekod-rekod akaun Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (b) Menyediakan Penyata Akaun Bulanan dan Tahunan.
- (c) Membentangkan Penyata Kewangan bulanan kepada Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dan Mesyuarat Agung Tahunan.
- (d) Menyediakan Pelan Perkhidmatan dan Belanjawan Tahunan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.

**18. JAWATANKUASA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT PP**

- (a) Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PP dianggotai minimum tiga (3) dan maksimum lima (5) orang anggota.



## 19. KAEDAH PEMILIHAN

### (a) PERINGKAT UNIT ANGGOTA

- i) Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota dipilih melalui Mesyuarat Agung Unit Peladang.
- ii) Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani adalah dipilih oleh Ketua Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota.

### (b) PERINGKAT PPK

- i) Pengurus Besar PPK hendaklah mengemukakan senarai Calon Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK dari kalangan Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota kepada AJP untuk dipilih dan dilantik sebagai Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK.
- ii) Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang dipilih akan bertindak sebagai *ex-officio* dan boleh hadir di dalam Mesyuarat AJP dan boleh dibayar apa-apa elaun kehadiran. AJP boleh memutuskan bayaran elaun kehadiran dan elaun yang bersesuaian kepada Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di PPK.
- iii) Tempoh perkhidmatan Pengerusi dan Anggota-anggota jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK adalah selaras dengan tempoh jawatan AJP PPK.

- iv) Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK akan dipilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang telah dilantik oleh AJP PPK oleh Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK.
- v) Bendahari Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK akan dipilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang telah dilantik oleh AJP PPK oleh Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK.

**(c) PERINGKAT PPN**

- i) Pengerusi Besar PPN hendaklah mengemukakan senarai Calon Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN dari kalangan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK kepada AJP untuk dipilih dan dilantik sebagai Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN.
- ii) Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang dipilih akan bertindak sebagai *ex-officio* dan boleh hadir di dalam Mesyuarat AJP dan boleh dibayar apa-apa elaun kehadiran. AJP boleh memutuskan bayaran elaun kehadiran dan elaun yang bersesuaian kepada Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN.
- iii) Tempoh perkhidmatan Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN adalah selaras dengan tempoh jawatan AJP PPN.

- iv) Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN akan dipilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Peladang Muda/Kor Tani yang telah dilantik oleh Jemaah Pengarah PPN oleh Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN.
- v) Bendahari Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN akan dipilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Peladang Muda/Kor Tani yang telah dilantik oleh Jemaah Pengarah PPN oleh Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN.

**(d) PERINGKAT NAFAS**

- i) Pengurus Besar NAFAS hendaklah mengemukakan senarai Calon Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS dari kalangan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN kepada AJP untuk dilantik dan dipilih sebagai Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani peringkat NAFAS.
- ii) Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang dipilih akan bertindak sebagai *ex-officio* dan boleh hadir di dalam Mesyuarat AJP dan boleh dibayar apa-apa elaun kehadiran. AJP boleh memutuskan bayaran elaun kehadiran dan elaun yang bersesuaian kepada Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS.
- iii) Tempoh perkhidmatan Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS adalah selaras dengan tempoh jawatan AJP NAFAS.

- iv) Setiausaha Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS akan dipilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang telah dilantik oleh Jemaah Pengarah NAFAS oleh Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS.
- v) Bendahari Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS akan dipilih dari kalangan Anggota Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani yang telah dilantik oleh Jemaah Pengarah NAFAS oleh Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS.

**20. TUGAS PENERUSI JAWATANKUASA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT PPK/PPN/NAFAS**

- (a) Mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PP.
- (b) Menjadi jurucakap atau wakil Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PP.
- (c) Membentangkan Pelan Perkhidmatan dan Belanjawan Tahunan kepada AJP bersama Bendahari.
- (d) Membentangkan laporan kemajuan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di dalam Mesyuarat AJP.
- (e) Mewakillkan kepada mana-mana Anggota Jawatankuasa sekiranya Pengerusi tidak dapat menghadiri diri di dalam mesyuarat/majlis rasmi.

**21. TUGAS SETIAUSAHA JAWATANKUASA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT PPK/PPN/NAFAS**

- (a) Mengendalikan segala urusan kumpulan khususnya berkenaan surat-menyurat dan menyimpan semua rekod, buku risalah, kertas dan minit mesyuarat.
- (b) Menyimpan buku daftar anggota.
- (c) Mengeluarkan notis-notis memanggil mesyuarat dan mencatat minit-minit mesyuarat.
- (d) Menyediakan laporan kegiatan kumpulan.

**22. TUGAS BENDAHARI JAWATANKUASA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI DI PERINGKAT PPK/PPN/NAFAS**

- (a) Merekod semua transaksi akaun dan menyimpan rekod-rekod akaun Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (b) Menyediakan Penyata Akaun Bulanan dan Tahunan.
- (c) Membentangkan Penyata Kewangan Bulanan kepada Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (d) Menyediakan Pelan Perkhidmatan dan Belanjawan Tahunan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.

**23. PENUBUHAN JAWATANKUASA KECIL KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK/PPN/NAFAS atau di peringkat Unit Anggota boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kecil tertentu bagi membantu menjalankan tugasnya, khusus semasa melaksanakan program/aktiviti bagi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota. Penubuhan jawatankuasa kecil ini perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Unit Anggota. Manakala Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK/PPN/NAFAS, penubuhan jawatankuasa kecil perlu mendapat kelulusan AJP masing-masing.

**24. KHIDMAT PENERUSI DAN AJK KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

Khidmat Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa, termasuk Jawatankuasa Kecil Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani adalah secara sukarela dan dipilih mengikut tempoh perkhidmatan AJP PP. Sekiranya berlaku kekosongan jawatan dari kalangan Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dalam tempoh berkhidmat, Pengurus Besar PPK, PPN dan NAFAS atau Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK, PPN dan NAFAS akan mengemukakan calon-calon baru untuk pemilihan atau perlantikan.

**25. BERHENTI SEBAGAI ANGGOTA JAWATANKUASA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

- (a) Tidak hadir mesyuarat jawatankuasa sebanyak tiga (3) kali berturut-turut tanpa sebab yang munasabah.
- (b) Berhenti menjadi anggota Pertubuhan Peladang.
- (c) Menarik diri secara sukarela.
- (d) Diberhentikan oleh Jawatankuasa Unit Anggota atau AJP PPK, PPN, NAFAS.
- (e) Disabitkan dengan kesalahan jenayah.

**26. MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN PEMIMPIN**

Jika berlaku kekosongan jawatan dalam Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani:

**(a) Peringkat Unit Anggota**

Pengisian jawatan boleh dibuat oleh Jawatankuasa Unit Anggota yang akan melantik calon yang mendapat undi terbanyak selepasnya.

**(b) Peringkat PPK**

Pengurus Besar PPK atau Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani peringkat PPK hendaklah mengemukakan senarai Pengerusi-Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota kepada AJP untuk dipilih dan dilantik.

**(c) Peringkat PPN**

Pengurus Besar PPN atau Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani peringkat PPN hendaklah mengemukakan senarai Pengerusi-Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK kepada AJP untuk dipilih dan dilantik.

**(d) Peringkat NAFAS**

Pengurus Besar NAFAS atau Ketua Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani peringkat NAFAS hendaklah mengemukakan senarai Pengerusi-Pengerusi Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN kepada AJP untuk dipilih dan dilantik.

**27. LARANGAN KEPADA JAWATANKUASA KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

- (a) Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani tidak boleh menerima sebarang pendapatan tetap dari PP.
- (b) Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani tidak boleh menandatangani kontrak, surat-surat perjanjian atau lain-lain yang berkaitan dengan perundangan pertubuhan tanpa diberi kuasa oleh Anggota Jemaah Pengarah PP.



## **28. PERJUMPAAN ANGGOTA DAN BILANGAN MESYUARAT**

Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di semua peringkat PP hendaklah mengadakan perjumpaan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun mengikut agenda seperti berikut:

- (a) Mengesahkan minit perjumpaan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani atau AJK yang lalu.
- (b) Perkara-perkara berbangkit.
- (c) Mengkaji serta membincangkan:
  - (i) Arahan-arahan dan maklumat daripada pihak AJP.
  - (ii) Keputusan-keputusan mesyuarat di peringkat yang lebih atas.
- (d) Membentangkan dan meluluskan penyata kira-kira terimaan dan bayaran.
- (e) Membentangkan dan membincangkan aktiviti-aktiviti Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani khususnya:
  - i) Ekonomi.
  - ii) Sosial.
  - iii) Lain-lain.
- (f) Hal-hal lain.

## **29. NOTIS MESYUARAT**

Notis mesyuarat hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya satu (1) minggu dari tarikh mesyuarat kumpulan atau mesyuarat jawatankuasa.

### **30. KUORUM MESYUARAT**

Kuorum bagi mesyuarat atau perbincangan kumpulan ialah minima tiga (3) orang.

### **31. SUMBER KEWANGAN**

- (a) Sumbangan dari PPK/PPN/NAFAS.
- (b) Sumbangan daripada anggota atau individu atau sebarang badan (mesti disalurkan melalui PPK).
- (c) Bayaran atau komisyen perkhidmatan atau perniagaan yang diterima.
- (d) Sumber pendapatan lain yang dibenarkan oleh Anggota Jemaah Pengarah PP dari semasa ke semasa.

### **32. TABUNG KEWANGAN KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

- (a) Semua wang yang diperolehi hendaklah disimpan dalam Skim Simpanan di PP. Bendahari Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di semua peringkat hanya dibenarkan memegang wang tunai tidak lebih dari RM250.00 pada bila-bila masa untuk tujuan mengurus dan mentadbir Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani.
- (b) Tabung Wang Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani hanya boleh dibenarkan bagi maksud membiayai pentadbiran Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dan bagi belanja mesyuarat, perjumpaan, kursus, ceramah dan lain-lain yang dibenarkan oleh Jemaah Pengarah.

- (c) Wang Tabung ini tidak boleh digunakan untuk dibahagi-bahagikan, sebagai keuntungan.
- (d) Segala pembayaran hendaklah menggunakan baucer dan segala penerimaan menggunakan resit.
- (e) Kelulusan sesuatu pembayaran dan pengeluaran wang Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani dari akaun simpanan sama ada di peringkat PPK/PPN/NAFAS hendaklah ditandatangani oleh:
  - (i) Peringkat Unit Anggota - Pengerusi dan Bendahari Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat Unit Anggota.
  - (ii) Peringkat PPK - Pengerusi dan Bendahari Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPK.
  - (iii) Peringkat PPN - Pengerusi dan Bendahari Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PPN.
  - (iv) Peringkat NAFAS - Pengerusi dan Bendahari Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat NAFAS.
- (f) Urusan kewangan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PP akan mengikut tatacara perakaunan PP.

**33. BUKU-BUKU DOKUMEN PERAKAUNAN**

Mengikut Tatacara Perakaunan PP.

**34. PERUNTUKAN UMUM MENGENAI KUMPULAN PELADANG MUDA/KOR TANI**

Jika tiada peraturan khas dibuat di dalam kaedah ini bagi apa-apa perkara berkaitan dengan pengurusan kumpulan, peraturan yang berkaitan dengan pengurusan dalam Kaedah Mentadbir Unit; Perlembagaan PP atau Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983, keputusan majoriti Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani di peringkat PP hendaklah dipatuhi.

**35. PERTIKAIAN**

Pertikaian yang berlaku dari kalangan Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani hendaklah diselesaikan secara rundingan muhibah oleh Jawatankuasa Unit Anggota atau Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani PP yang terlibat atau Anggota Jemaah Pengarah PP berkenaan. Sebarang rayuan bolehlah dimajukan bagi penyelesaian oleh Pendaftar dan keputusan Pendaftar adalah muktamad.

**36. PINDAAN KAEDAH**

Sebarang cadangan pindaan kepada kaedah ini hendaklah dibincang dan dilulus oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda/Kor Tani, Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa PP sebelum dikemukakan kepada Pendaftar untuk didaftarkan.

**Disahkan oleh**

\_\_\_\_\_ )

**Pengerusi Jemaah Pengarah  
Pertubuhan Peladang**

\_\_\_\_\_ )

**Jemaah Pengarah  
Pertubuhan Peladang**

\_\_\_\_\_ )

**Jemaah Pengarah  
Pertubuhan Peladang**

**Didaftarkan pada hari ini oleh**

\_\_\_\_\_ )

**Pendaftar Pertubuhan Peladang**